

# KULIAH ZOHOR

**“Larangan Melakukan Takfir”**

**Masjid Maarof | 11 Julai 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

“ مَنْ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٌ . فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا ”

- Abdullah b. Umar r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesiapa yang berkata kepada saudaranya 'Hai, kafir' maka pasti akan menimpa pada salah satu dari mereka.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
"سباب المسلم فسوق، وقتاله كفر"

- Abdullah b. Mas`ud r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Memaki orang Muslim itu satu kefasikan dan memeranginya itu satu kekufuran." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

عَنْ عِرَاكِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ، يَقُولُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

" لَا تَرَعَبُوا عَنْ آبَائِكُمْ فَمَنْ رَعِبَ عَنْ أَبِيهِ فَهُوَ كُفْرٌ " .

- Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Janganlah kalian mengabaikan ayah kandungmu, maka siapa yang tidak suka kepada ayah kandungnya, maka ia adalah satu kekufuran.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadith

- Perbuatan mengkafirkan seorang Muslim adalah serius - samada tuduhan itu benar atau si penuduh pula jatuh kepada kekufuran.
- Para ulama berpendapat bahawa perbuatan mengkufurkan orang lain secara salah boleh membatalkan dua kalimah syahadah - paling kurang ia adalah satu dosa besar.
- Wajib mengambil langkah berhati-hati dalam menghukum seorang Muslim sebagai seorang kafir supaya tidak tersilap.

- Ketiga-tiga hadith menggunakan perkataan kufur bukan kafir
  - rujuk kepada perbuatan berkenaan bukan si pelakunya
  - mensifatkan perbuatan itu sebagai kufur tetapi tidak melabelkan pelakunya sebagai kafir
  - fokus pada perbuatan, bukan pelaku (orang).
- Sikap yang sama juga boleh digunapakai dalam memberi hukuman lain e.g melabelkan sesuatu sebagai kefasikan dan kejahatan
  - elak dari melabelkan orang berkenaan kerana Allah taala melarang memberi panggilan-panggilan yang buruk (surah Al-Hujurat : 11).

- Lafaz kufur dalam dalil-dalil syara' tidak memberi maksud perbuatan berkenaan mengeluarkan seseorang dari agama Islam (hadith 2 dan 3)
  - ulama sepakat bahawa tidak berlaku baik terhadap orang tua, tidak menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agama
  - Allah taala mensifatkan dua kelompok Muslim yang saling berperang antara satu sama lain sebagai golongan yang masih beriman, sebagaimana yang dinyatakan dalam surah Al-Hujurat : 9.
- Perlu berhati-hati dalam aplikasi dalil-dali syara' yang merujuk sesuatu perbuatan sebagai kufur
  - Ibn `Abbas kemuka satu konsep 'kufr duna kufr' - kufur yang lebih rendah dari kekufuran yang sebenar kerana tidak terkeluar dari agama.

- Perbuatan kufur di sisi syara' bukan sederajat, sebagaimana iman mempunyai pelbagai cabang dan tingkatan
  - hendaklah meletakkan setiap darjat kekufuran itu pada hukum dan layanan yang sesuai, bukan semuanya disamakan.
- Menta`yin (mengkhususkan) sesuatu sifat seperti kafir dan fasik kepada individu adalah sesuatu yang tidak dianjurkan oleh Islam.
- Adab dan sikap seorang Muslim
  - sentiasa berusaha membenci dan menolak perbuatan yang kufur, fusuq (kefasikan) dan munkar
  - memelihara diri dari menyerang peribadi yang melakukannya.



# KULIAH ZOHOR

**“Berlebih Kurang Dalam Berurusan Dengan  
Manusia”**

**Masjid Maarof | 11 Julai 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - " رَحِمَ اللَّهُ عَبْدًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ سَمَحًا إِذَا اشْتَرَى سَمَحًا إِذَا اقْتَضَى . "

- “Allah merahmati seseorang yang bermurah hati / berlebihan kurang pada ketika membeli, menjual dan menuntut haknya.”  
(Riwayat Al-Bukhari)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ أَقَالَ  
مُسْلِمًا أَقَالَهُ اللَّهُ عَثْرَتُهُ " .

- “Sesiapa yang membenarkan iqalah bagi seorang Muslim, Allah akan menghilangkan penderitaannya.” (Riwayat Abu Daud & Ibn Majah)
- Iqalah bermaksud perbuatan seseorang yang membeli atau menjual sesuatu kemudian menarik diri dari jual beli berkenaan setelah berlaku perjanjian atas sebab-sebab tertentu seperti si pembeli sedar bahawa ia tidak memerlukan barang itu atau si penjual sedar bahawa ia memerlukan barang berkenaan.

# Pengajaran Hadith

- Pengajaran tentang
  - sifat tasamuh iaitu berlebih kurang dan bermurah hati dalam berurusan sesama manusia
  - berurusan dengan manusia dalam jual beli, perjanjian kerjasama, pembahagian tanggungjawab dan hak dan lain-lain
  - melakukan perundingan (negotiation) yang berkaitan dengan persoalan hak dan tanggungjawab setiap pihak.
- Jangan bersifat lokek, berfikir mengenai hak diri sendiri atau hanya memerhatikan kepentingannya sahaja tanpa peduli akan pihak yang lain.

- Terselindung dibalik sikap hanya memerhatikan kepentingan diri sahaja ialah sifat lokek atau bakhil, sempit dada, tidak fleksibel dan lain-lain
  - tidak disukai oleh Islam
  - harus disucikan dari Muslim
- Boleh akibat kesan buruk pada hubungan dengan orang lain
  - Muslim dituntut untuk sentiasa memelihara hubungan baik dengan sesama manusia.
- Sifat tasamuh (tolak ansur) lebih memudahkan untuk mencapai situasi win-win dengan pihak lain.

- Sifat tidak toleran dengan keperluan dan kepentingan orang lain menjurus kepada situasi hendak menang atau untung bagi sendiri sahaja.
- Mengamalkan sifat tasamuh menjadikan pihak lain akan suka berurusan Muslim
  - membuka ruang bagi dakwah di samping penonjolan imej yang baik.
- Sikap apabila menghadapi kekurangan atau kelemahan seseorang atau sesuatu benda
  - walau pun Islam utamakan kualiti, Muslim hendaklah juga ambil kira sifat berlebih kurang dan berlapang dada dan tidak terlalu berkeras terhadap kekurangan dan kelemahan jika berlaku.